


**1103/1
BAHASA
MELAYU**

Kertas 1
2 jam



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TAHUN 2024**

CADANGAN JAWAPAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Kertas Cadangan Jawapan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab

Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan aktiviti sambutan Hari Kebangsaan.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **aktiviti sambutan Hari Kebangsaan**.

Panjangnya karangan anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Sambutan Hari Kebangsaan seluruh negara meriah, disertai kontinjen pelbagai agensi

KUALA LUMPUR: Kemeriahan sambutan Hari Kebangsaan 2023 tidak hanya tertumpu di Dataran Putrajaya, bahkan turut hangat di pelbagai lokasi di seluruh negara. Semangat patriotik dan rasa teruja dapat dilihat pada segenap lapisan masyarakat apabila mereka beramai-ramai hadir memeriahkan sambutan di peringkat negeri dan komuniti masing-masing sejak awal pagi.

Penyertaan pelbagai kontinjen perbarisan yang mewakili agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam acara sambutan Hari Kebangsaan dilihat dapat menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

Sumber : <https://www.astroawani.com>



*Pertandingan
sempena sambutan
HARI KEBANGSAAN
2024*

- Pertandingan Melukis Poster
- Pertandingan Menulis Esei
- Pertandingan Video Merdeka

anjuran :
**PANITIA SEJARAH
SMK SERI JAYA**

*Hadiah dan sijil
menanti anda!*



**Kempen Kibarkan
Jalur Gemilang**

The poster features a stylized illustration of a diverse group of people (men, women, and children) holding the Malaysian flag. The background includes a silhouette of the Kuala Lumpur skyline and a large, waving Malaysian flag.

CADANGAN RANGKA JAWAPAN**BAHAGIAN A : Aktiviti-aktiviti Sambutan Hari Kebangsaan****Kehendak soalan**

1. Calon hendaklah menghuraikan aktiviti-aktiviti sambutan Hari Kebangsaan.
2. Calon hendaklah menggunakan **semua** bahan.
3. Calon hendaklah mengemukakan contoh dan huraian yang sesuai.

Pendahuluan

- Hari Kebangsaan Malaysia disambut pada 31 Ogos setiap tahun
- disambut dengan meriah untuk mengingati jasa pejuang kemerdekaan negara
- terdapat pelbagai aktiviti sempena sambutan Hari Kebangsaan anjuran pelbagai pihak

Isi 1: sambutan Hari Kebangsaan diadakan di seluruh negara [Bahan 1]

- segenap lapisan masyarakat hadir untuk memeriahkan sambutan di peringkat negeri dan komuniti
- penyertaan pelbagai kontinjen perbarisan yang mewakili agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)
- bertujuan untuk menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat
- *bulat air kerana pemetung, bulat kata kerana muafakat*

Isi 2: pihak sekolah mengadakan pelbagai pertandingan [Bahan 2]

- melibatkan semua murid dan warga sekolah
- contoh pertandingan - melukis poster, menulis esei, video merdeka
- mencungkil bakat murid, menjanakan kreativiti, menghayati kemerdekaan sejak usia muda
- *melentur buluh biarlah dari rebungunya*

Isi 3: mengadakan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang [Bahan 3]

- mengibarkan bendera negara di premis dan kenderaan kerajaan, swasta, persendirian
- menggantung bendera dengan kaedah yang betul
- menghormati lambang negara, rasa bangga terhadap negara
- *bagai aur dengan tebing*

Kesimpulan

- sambutan Hari Kebangsaan wajar diraikan seluruh masyarakat
- semua pihak perlu menyokong aktiviti yang dianjurkan
- membentuk jati diri masyarakat terutamanya generasi muda
- *pemuda harapan bangsa pemudi tiang negara*

BAHAGIAN B*[70 markah]*

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Sebagai salah satu usaha membentuk semangat patriotisme dalam kalangan warganegara, mata pelajaran Sejarah telah diwajibkan lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2013. Mata pelajaran ini membolehkan rakyat memahami perlembagaan dan undang-undang dalam pembentukan negara. Selain itu, penghayatan terhadap sejarah juga dapat mengelakkan diri kita daripada mengulangi sesuatu kesilapan.

Sumber : *Buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4, DBP.*

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan kepentingan-kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah.

Kehendak soalan

1. Calon hendaklah menghuraikan kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah berdasarkan idea dalam petikan.
2. Calon hendaklah memberikan huraian dan contoh yang sesuai.
3. Calon hendaklah menghuraikan semua isi yang diberikan.
4. Calon menghuraikan semua isi dan idea luar diterima seperti biasa.
5. Calon menghuraikan sebahagian isi dalam petikan dan idea luar, maksimum kepujian
6. Calon menghuraikan semua idea luar, maksimum baik.
7. Calon menghuraikan selain kepentingan-kepentingan, maksimum penguasaan minimum.

Cadangan Rangka Karangan**Pendahuluan**

- mata pelajaran Sejarah – dipelajari sejak di sekolah rendah
- murid perlu membaca dan mengingati banyak fakta berkaitan dengan sejarah
- mata pelajaran wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2013
- terdapat banyak kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah

Isi 1 : membentuk semangat patriotisme dalam kalangan warganegara

- pengetahuan terhadap sejarah melahirkan rasa bangga terhadap negara
- contoh - mata pelajaran Sejarah mendedahkan tokoh-tokoh pejuang tanah air
- murid mengenali tokoh sekali gus memahami perjuangan menentang penjajah
- rasa cinta akan negara dapat dipupuk - menjadi warganegara yang menyayangi negara
- *tak kenal maka tak cinta*

Isi 2: membolehkan rakyat memahami perlembagaan dan undang-undang

- sesebuah negara dibentuk dan dibangunkan dengan perlembagaan serta undang-undang
- contoh - pelbagai akta diwujudkan bagi memelihara kedaulatan negara
- rakyat tidak melakukan perkara yang bercanggah dengan undang-undang - mencemarkan nama baik negara
- menjauhi perbuatan jenayah, rasuah dan tindakan yang mengugat keharmonian negara
- *hidup dikandung adat, mati dikandung tanah*

Isi 3 : mengelakkan diri kita daripada mengulangi sesuatu kesilapan

- dalam usaha membina negara, pengalaman sejarah wajar dijadikan teladan
- contoh - tanah air pernah dijajah oleh kuasa asing sejak tahun 1511 hingga 1957
- generasi muda tidak akan mengulangi kesilapan masyarakat terdahulu
- berusaha menjaga kedaulatan negara dengan lebih baik
- *yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan*

Kesimpulan

- pelbagai kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah
- semua pihak perlu berusaha menarik minat generasi muda mempelajari mata pelajaran Sejarah
- melahirkan pemimpin masa yang mempunyai rasa cinta mendalam terhadap negara - sanggup berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara
- *biar putih tulang, jangan putih mata*

2

Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) perlu dibantu untuk memberikan nilai tambah kepada perusahaan mereka dari aspek pembiayaan kewangan, menyediakan kursus atau latihan dan program pemasaran yang berkesan kerana PKS merupakan tunjang ekonomi negara. Antara industri yang termasuk di bawah PKS ialah kilang kraf tangan, kilang keropok, kilang perusahaan batik dan kilang membuat mi.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
Sinar Harian, 14 Jun 2022

Berdasarkan petikan di atas, bincangkan langkah-langkah membantu usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia.

Kehendak soalan

1. Calon hendaklah menghuraikan langkah-langkah membantu usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).
2. Calon hendaklah memberikan huraian dan contoh yang sesuai.
3. Calon hendaklah menghuraikan semua isi yang diberikan.
4. Calon menghuraikan semua isi dan idea luar diterima seperti biasa.
5. Calon menghuraikan sebahagian isi dalam petikan dan idea luar, maksimum kepujian
6. Calon menghuraikan semua idea luar, maksimum baik.
7. Calon menghuraikan selain langkah-langkah, maksimum penguasaan minimum.

Pendahuluan

- Perusahaan Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan tunjang ekonomi negara
- usahawan perlu bersaing dengan sektor ekonomi yang berskala besar
- terdapat langkah-langkah membantu usahawan PKS di Malaysia
- *kalaupun tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya*

Isi 1: pembiayaan kewangan

- membantu usahawan membangunkan perusahaan mereka agar mampu berkembang sehingga ke tahap global
- Bank perdagangan dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) memudahkan syarat pinjaman dan bantuan modal terutama untuk usahawan baharu PKS
- menyediakan pinjaman tanpa penjamin dan kadar faedah yang rendah kepada peminjam
- usahawan PKS luar bandar terus berdaya maju dan mampu bersaing
- *usaha tangga kejayaan*

Isi 2: menyediakan kursus atau latihan

- pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dapat membantu dalam meningkatkan produktiviti organisasi
- Perbadanan Pembangunan Industri Kecil (SMIDEC) membantu meningkatkan kemahiran pekerja melalui latihan, seminar, bimbingan kerja dan pengurusan
- menawarkan khidmat nasihat perniagaan yang komprehensif secara percuma
- usahawan PKS akan lebih bermotivasi serta dapat menghasilkan idea yang lebih kreatif
- *bertulang besi, berurat dawai*

Isi 3: program pemasaran yang berkesan

- promosi dapat memperkenalkan lebih banyak produk usahawan PKS tempatan
- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) membantu usahawan PKS menembusi pasaran eksport dengan menjadi pembekal global
- menganjurkan ekspo, pameran, lawatan perniagaan dan ruang mempromosikan produk secara dalam talian
- permintaan terhadap produk bertambah dan menjanakan pendapatan usahawan PKS
- *di mana ada kemahuan, di situ ada jalan*

Kesimpulan

- terdapat langkah-langkah efektif membantu usahawan PKS
- semua pihak dan agensi terlibat perlu melakukan anjakan paradigma untuk membantu usahawan PKS
- membuka peluang pekerjaan di kawasan luar bandar dan meningkatkan taraf hidup
- *serampang dua mata*

3

Malaysia di Mata Dunia

Malaysiaku
destinasi pelancongan dikagumi dunia
mampu menarik minat pelabur asing
menjadi lubuk rezeki anak watan
Impaknya,
masalah pengangguran yang membelenggu
kian berkurangan
Natijahnya,
mampu menjanakan ekonomi negara
sehingga akhirnya
menjulung Malaysia di mata dunia.

Tinta Suria, 2024

Puisi di atas menyatakan sumbangan sektor pelancongan kepada negara.

Bincangkan sumbangan-sumbangan tersebut.

Kehendak soalan

1. Calon hendaklah menghuraikan sumbangan-sumbangan sektor pelancongan **kepada negara**.
2. Calon hendaklah memberikan huraian dan contoh yang sesuai.
3. Calon hendaklah menghuraikan semua isi yang diberikan.
4. Calon menghuraikan semua isi dan idea luar diterima seperti biasa.
5. Calon menghuraikan sebahagian isi dalam petikan dan idea luar, maksimum kepujian.
6. Calon menghuraikan semua idea luar, maksimum baik.
7. Calon menghuraikan selain sumbangan-sumbangan, maksimum penguasaan minimum.

Cadangan Rangka Karangan

Pendahuluan

- pelancongan - salah satu industri yang sangat penting kepada negara
- faktor tarikan Malaysia – masyarakat harmoni yang berbilang kaum, bentuk muka bumi menarik, kepelbagaian budaya dan adat resam serta peninggalan bangunan bersejarah
- tarikan ini telah memperkenalkan Malaysia ke santero dunia
- terdapat pelbagai kepentingan sektor pelancongan kepada negara

9

Isi 1: mampu menarik minat pelabur asing

- kegiatan pelaburan yang aktif – tarikan utama pelabur asing
- mereka berminat untuk menanam modal di negara kita
- pelaburan asing bukan sahaja berfokus kepada sektor perhotelan tetapi meliputi bidang lain – pengusahaan taman tema, pusat beli-belah, pengangkutan dan pembinaan
- kerajaan dapat memperuntukkan lebih banyak projek untuk memajukan negara
- *di mana ada gula, di situ ada semut*

Isi 2: dapat mengurangkan masalah pengangguran

- wujudnya pelbagai peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang
- sektor pelancongan memerlukan ramai tenaga kerja sama ada golongan mahir dan terlatih di peringkat pengurusan serta penyeliaan atau golongan pekerja separa mahir
- pelbagai peluang pekerjaan dalam sektor perhotelan, pengangkutan, makanan dan minuman, kraf tangan, inap desa dan perniagaan berangkai yang lain
- masalah pengangguran dapat dikurangkan – ekonomi negara terus berkembang
- *hendak seribu daya tak hendak seribu dalih*

Isi 3: mampu menjanakan ekonomi negara

- kedatangan pelancong asing meningkatkan pendapatan negara
- melalui pertukaran mata wang asing dengan mudah dan banyak
- aktiviti berbelanja dan membayar kos penginapan memberikan pulangan yang besar kepada negara
- dijanakan oleh kerajaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan fizikal dalam negara
- *sambil menyelam minum air*

Kesimpulan

- sektor pelancongan merupakan industri yang memberikan impak besar dalam kemajuan negara
- Malaysia perlu dipromosikan sebagai destinasi pelancongan popular di dunia
- semua pihak perlu bekerjasama dengan langkah sederap bagi mejayakan usaha ini
- *bagai aur dengan tebing*

4

Dalam konteks dunia digital, media sosial ditakrifkan sebagai pelbagai saluran komunikasi dalam talian yang dapat menyampaikan maklumat, pengalaman serta idea secara mudah dan pantas. Dalam dunia pendidikan, media sosial boleh dimanfaatkan sebagai medium pembelajaran kreatif dan inovatif yang dapat membantu murid-murid meningkatkan hasil pembelajaran mereka.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Internet

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan kebaikan-kebaikan penggunaan media sosial dalam kalangan murid.

Kehendak soalan

1. Calon hendaklah menghuraikan kebaikan-kebaikan penggunaan media sosial **dalam kalangan murid**.
2. Calon hendaklah memberikan huraian dan contoh yang sesuai.
3. Calon hendaklah menghuraikan semua isi yang diberikan.
4. Calon menghuraikan semua isi petikan dan idea luar – terima seperti biasa.
5. Calon menghuraikan sebahagian isi dalam petikan dan idea luar, maksimum kepujian
6. Calon menghuraikan semua idea luar - maksimum baik.
7. Calon menghuraikan selain kebaikan-kebaikan - maksimum penguasaan minimum

Cadangan Rangka Karangan

Pendahuluan

- media sosial ditakrifkan sebagai pelbagai saluran komunikasi dalam talian
- kita boleh berhubung atau mendapatkan informasi dengan hanya menggunakan peranti elektronik pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja
- terdapat pelbagai kebaikan penggunaan media sosial khususnya dalam kalangan murid
- *jauhari juga yang mengenal manikam*

Isi 1: sebagai medium pembelajaran kreatif dan inovatif

- proses pembelajaran menjadi lebih menarik, interaktif dan berkesan
- menyediakan ruang untuk perbincangan dalam talian, berkongsi bahan pembelajaran dan bertanya soalan dengan segera
- murid menggunakan platform Youtube dan TikTok untuk melihat pengajaran guru yang kreatif dan menarik tentang sesuatu konsep yang sukar difahami
- dapat membantu murid untuk belajar dengan lebih berkesan selari dengan keperluan pembelajaran abad ke-21
- *kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya*

Isi 2: dapat membantu murid-murid meningkatkan hasil pembelajaran

- murid-murid boleh mengakses pelbagai sumber pembelajaran daripada pelbagai platform dan mengulang kaji pelajaran pada bila-bila masa
- murid boleh berkongsi nota, membuat perbincangan atau melibatkan diri dalam kumpulan kajian menerusi platform *Whatsapp*, *Telegram* dan *Google Classroom*
- memberi peluang kepada murid untuk memahami dan menguasai sesuatu topik mengikut kemampuan masing-masing
- media sosial sebagai alat pembelajaran mampu meningkatkan kemahiran literasi digital murid
- *duduk sama rendah, berdiri sama tinggi*

Isi 3: murid dapat menyampaikan maklumat, pengalaman serta idea secara mudah dan pantas

- media sosial boleh diakses dengan mudah melalui telefon pintar, tablet atau komputer
- maklumat mudah disebar dalam beberapa saat kepada ribuan pengguna lain dengan hanya satu klik
- murid boleh berkongsi maklumat atau pandangan dalam pelbagai bentuk seperti teks, gambar, video atau siaran langsung
- murid dapat berhubung dengan individu dari pelbagai latar belakang, menambah nilai perbincangan dan idea yang dikongsi
- *maklumat hanya di hujung jari*

Kesimpulan

- terdapat pelbagai kebaikan media sosial dalam kalangan murid jika dimanfaatkan
- memperkaya pengalaman pembelajaran murid supaya mencapai kejayaan akademik yang lebih cemerlang
- golongan pendidik, ibu bapa dan masyarakat juga berperanan bagi mewujudkan persekitaran yang positif serta menyokong pembangunan diri murid
- *pemuda harapan bangsa pemudi tiang negara*

CADANGAN JAWAPAN TAMAT